

04/04/2004

Jadilah tokoh politik, bukan Datuk dan orang besar

Noor Azam

"Stay away from graft so that you don't embarrass ourself, the people, the party and its leaders" - Pesan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada Wakil Rakyat - Star, 29 March 04.

Janganlah lupa diri, bergaya mewah, berebut kontrak dan projek RAMAI penganalisis politik mencari-cari apakah yang menyebabkan Pas kalah teruk dan majoriti pengundi Melayu kembali kepada Umno? Tetapi, bagi saya ini tidak penting.

Yang penting, kita telah berjaya melaksanakan suatu pilihan raya tanpa keganasan. Yang penting keutuhan politik pribumi tegak kembali. Sekali gus mewujudkan semula kestabilan politik yang tergugat pada 1999. Inilah kejayaan dan kemenangan politik kita yang tak ternilai harganya.

Biarlah para pemimpin dan ahli strategi politik Pas meneliti kelemahan dan kesalahan dan kekuatan mereka. Umno dan BN, khususnya ahli-ahli Yang Berhormat - terutama yang diberi jawatan dalam kerajaan - perlu melihat ke depan. Bekerja dengan jujur!

Semua kita - rakyat, pegawai kerajaan, guru dan pensyarah, polis dan tentera - ada peranan dan tanggungjawab masing-masing. Dan berhentilah berpolitik, sekurang-kurangnya tiga atau empat tahun.

Hendaknya tidak akan ada lagi Wakil Rakyat yang lupa diri, lupa tugas dan janji, sombong dan berlagak mewah-mewahan. Berebut kontrak dan projek untuk diri dengan menggunakan proksi. Amaran Pak Lah, "They should not take life easily or aspire to become rich."

Jadilah pemimpin politik dan tokoh politik. Bukan 'orang besar', bukan Datuk, tetapi Wakil Rakyat. Jadilah Yang Berhormat yang sentiasa memberi khidmat. Kata Pak Lah: Jadi kuli rakyat!

Semasa melawat Terengganu 28 Mac lalu, Pak Lah berpesan kepada semua Wakil Rakyat: "Jauhkan diri daripada rasuah agar anda tidak akan menjatuhkan maruah diri anda, maruah rakyat, maruah parti dan pemimpin".

Rakyat kena buat laporan, bukan merungut di kedai kopi, meskipun ada Indeks Prestasi

SEMASA berjalan-jalan di Kubang Pasu, saya mendengar rungutan: "Empat tahun! Menurut cerita, ada Wakil Rakyat, tapi baru inilah kami tengok muka dia." Bahkan semasa berkempen pun, ada kampung yang langsung tak nampak muka calon Umno. Calon Pas ada. Ada Ahli Exco yang sering jadi rungutan rakyat, masih dapat jadi calon. Nasib baik, orang Kubang Pasu masih mengenang jasa Dr Mahathir.

Pengakuan Datuk Johari Baharom bahawa kemenangannya adalah kerana Tun Dr Mahathir, memang betul. Dia dapat majoriti lebih besar daripada majoriti Dr Mahathir tahun 1999. Orang Kubang Pasu dapat melihat dan merasakan jasa Dr Mahathir. Tetapi, empat atau lima tahun lagi, calon-calon di Kubang Pasu tak boleh lagi bergantung kepada Dr Mahathir. Ingatlah!

Apa yang berlaku di Kubang Pasu ini, saya pasti, berlaku juga di tempat lain. Orang merungut, tetapi masih mengundi calon Umno dan BN. Kerana jasa parti dan kerana Pak Lah. Apa jadi kalau Pak Lah tidak ada? Ingatlah!

Pesuruhjaya Pas Kedah, Ustaz Azizan Abdul Razak mengaku "Abdullah played an important role in swinging the votes in favour of BN in Kedah."

Walaupun Barisan Nasional akan mengadakan "Kod Etika Kerja" dan "Indeks Prestasi Wakil Rakyat"; kita masih perlu mengawasi wakil yang kita pilih. Ini tugas pengundi. Laporkan terus pada MB, KM dan PM apabila Wakil Rakyat kita korup, menyeleweng dan malas.

Jangan hanya merungut di kedai kopi, atau tunggu empat atau lima tahun

baru bersuara. Mereka meminta kita memilih mereka, maka hak kitalah menuntut mereka berbudi dan berbakti.

Macam-macamlah ragam cerita dan lakonan sensasi pilihan raya

SEMASA berkempen masing-masing menabur pelbagai janji. Ada yang kacau bubur, dukung anak di kiri kanan bahu, bancuh simen dan membawa cerita lama tentang betapa insafnya dia akan rakyat miskin.

Datuk Syed Razak bercerita kisah "seorang penduduk Kuala Kedah menggadaikan kain batik RM1 untuk membeli beras". Peristiwa ini "begitu menyentuh hati saya, menyebabkan saya nekad menceburi politik dengan azam mengeluarkan penduduk negeri ini daripada belenggu kemiskinan." Alangkah bertuahnya rakyat Kedah!

Pendek kata, ada bermacam-macam cerita dan lakonan sensasi pilihan raya, dan semua berikrar akan "membawa perubahan". Semua calon di kawasan luar bandar, berjanji akan "memajukan" kampung dan desa. Kita, anak desa yang prihatin, sukacita mengingatkan: Bahawa membawa perubahan dan memajukan rakyat desa tidaklah semudah mengucapkan kata-kata.

Sejak Tun Razak, kata-kata ini diucapkan dan pelbagai program dilaksanakan. Felda dan Mada cukup berjaya. Tun Dr Mahathir pun - selama 22 tahun - melaksanakan bermacam program, lengkap dengan pegawai dan peruntukan wang yang cukup banyak. Namun kita masih bercakap tentang kemiskinan dan kemunduran luar bandar. Kita masih membaca berita dan melihat wajah-wajah manusia yang suram dan gobok-gobok buruk dengan penghuni tua menunggu masa.

Saya baru saja meninjau ke Kuala Kedah. Seperti tak percaya melihat perkampungan nelayan yang kotor dan sesak. Rumah-rumah buruk dengan bau busuk dari sebuah kilang, membuat saya hairan bagaimana mereka boleh tahan dan masih bergelak ketawa. Entah berapa kali pilihan raya lagi, baru perubahan sebenarnya akan menjelma.

Di seberang Kota - di sebelah marina baru untuk orang kaya melabuhkan kapal-kapal mainan mereka - 700 rumah untuk penempatan semula nelayan, dikatakan terbengkalai lebih 10 tahun! Apabila Pak Lah hendak melawat Kuala Kedah, menjelang hari mengundi, kawasan perumahan ini baru dibersihkan dan rumah contoh pun disiapkan!

Bagaikan golongan peminta, menadah tangan menunggu pemberian

BEGITULAH, disamping ada program pembangunan desa yang berjaya dan separuh berjaya, masih lagi kita bercakap tentang kemunduran penduduk desa. Majoritinya kaum Bumiputera!

Betullah apabila Perdana Menteri baru, bertekad menjadikan pembangunan luar bandar sebagai salah satu agenda utamanya. Mengimbangi ketenangan desa dalam kemiskinan, dengan kemewahan Lembah Klang dan kesesakan lebuhraya. Mengimbangi suasana derita kampung nelayan dengan gagah-mewahnya KLIA dan Putrajaya. Namun cita-cita mulia ini tidak mudah terlaksana. Banyak benar liku-liku faktor manusia yang menuntut program dan perubahan yang berani dan drastik.

Sikap dan mentaliti orang luar bandar - petani dan nelayan - tidak seperti mentaliti orang kota dan kawasan perindustrian. Apa lagi setelah puluhan tahun disuap pelbagai bantuan - sampaikan pernah ada bantuan membuat tandas! Baja dan diesel bantuan pun dijual! Maka jadilah penduduk desa kita golongan peminta yang sentiasa menanti pemberian.

Bagaimanakah kita hendak membangunkan manusia seperti ini? Dr Mahathir mempunyai impian dan berusaha untuk melahirkan kampung yang moden. Impiannya belum jadi kenyataan. Mudah-mudahan janji "membawa perubahan" dan "memajukan kampung" ini akan terlaksana.

Our fight to control Kedah is not over. Perhaps it will happen in our children's lifetime

KATA Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir (Tahniah dilantik jadi Menteri Penerangan): "It (Pas) is already finished. With its current policies, it

is a party that is out of date. In the next general election, Pas will be phased out from Malaysian politics". - Star, 29 March 04.

Akan tetapi, kata Ustaz Azizan Abdul Razak: "Our fight to control Kedah is not over, we will never give up on this goal. It may not happen in our time, but perhaps in our children's lifetime". - NST, 29 March 04.

Cakap Ustaz Azizan Abdul Razak ini bunyinya macam rungutan orang kecewa. Geram dan nak balas dendam. Tetapi, perlulah diingat, di Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu - banyak kawasan - kemenangan BN masih dengan majoriti amat tipis. Penyokong teras Pas tetap utuh.

Kata Tan Sri Azahari Taib: "Cerita Pas ini, samalah macam orang Melayu berkelahi. Bila bapa dengan bapa berkelahi juga. Jadi, cerita berkelahi ini tak akan habis. Akan turun temurun. Dendam tak akan habis." Begitukah politik Melayu?

(No 86 Jalan SS22/32, Damansara Jaya, Selangor - 1 April 04)